



PEMAKLUMAN PENTING

PENGUATKUASAAN PELAKSANAAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI/ TAX COMPLIANCE CERTIFICATE (TCC) DALAM PEROLEHAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Selaras dengan arahan Kementerian Kewangan melalui surat edaran MoF rujukan MOF.BPK(S)600-14/15/5 Jld 2(23) bertarikh 24 Jun 2025, Universiti Teknologi MARA (UiTM) akan melaksanakan sepenuhnya dengan menjadikan pengemukaan TCC sebagai syarat tambahan dokumen wajib dalam pelaksanaan pengurusan perolehan UiTM **berkuatkuasa 01 SEPTEMBER 2025.**

Pelaksanaan Pematuhan TCC mestilah memenuhi syarat berikut:

- 1) TCC hendaklah berstatus "PATUH"
- 2) TCC hendaklah masih dalam tempoh kuatkuasa yang sah.

Kawalan TCC ini adalah di peringkat penyertaan pembida. Syarikat dikehendaki kemaskini maklumat TCC mulai 11 Ogos 2025.

Hanya syarikat yang memenuhi syarat di atas sahaja layak menyertai sebarang perolehan UiTM.

Bagi mana-mana penyertaan perolehan sebelum 01 September 2025, hendaklah patuh kepada peraturan ini sekiranya Surat Setuju Terima atau Pesanan Tempatan dikeluarkan pada atau selepas 01 September 2025.

Sebarang keraguan/ aduan/ pertanyaan boleh majukan kepada admin.epplus@uitm.edu.my atau boleh menghubungi Bahagian Perolehan & Aset di talian 03-55443329 / 3453 / 3342 / 3801.